

Tutup



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official

>> EDISI > JOHOR > Banjir: Buka dua PPS di Muar, satu PPS di Tangkak

# Banjir: Buka dua PPS di Muar, satu PPS di Tangkak

NOR AZURA MD AMIN || 13 Julai 2020



Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM) membantu memindahkan penduduk ke PPS SMK Bandar Maharani.

**A<sup>-</sup> A<sup>+</sup>**

JOHOR BAHRU - Dua pusat pemindahan sementara ( PPS) dibuka di Muar manakala satu PPS di Tangkak sejak pagi tadi bagi menempatkan mangsa banjir.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan berkata, seramai 227 mangsa daripada 47 keluarga direkodkan di tiga PPS tersebut sehingga jam 4 petang tadi.

PPS tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan ( SMK) Bandar Maharani, SMK Dato Sri Amar Diraja di Muar dan Sekolah Kebangsaan ( SK) Parit Bunga di Tangkak.

Katanya, PPS di SMK Bandar Maharani dibuka jam 9 pagi tadi mencatatkan 128 mangsa banjir daripada 26 keluarga daripada Kampung Sabar Awor dan Lorong Dato Samsu Jalan Ismail.

"Seramai 47 mangsa banjir daripada 11 keluarga di Kampung Kelantan dan Kampung Dato Sri Amar Diraja ditempatkan di PPS di SMK Dato Sri Amar Diraja yang dibuka jam 10.30 pagi tadi.

"Seterusnya bagi PPS di SK Parit Bunga yang dibuka jam 10 pagi, kini menempatkan seramai 52 penduduk daripada 10 keluarga. Kesemua mangsa banjir ini daripada Kampung Parit Bunga, Kampung Tanjung Adas dan Kampung Tanjung Gading Timur," katanya.

R Vidyananthan berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia ( MET Malaysia) mengeluarkan amaran ribut petir tengah hari tadi di beberapa negeri termasuk Johor sehingga jam 5 petang tadi.

'Perikatan Nasional mungkin gagal bertahan' ✕

Johor banjir Tangkak

- 1 'Perikatan Nasional mungkin gagal bertahan'
- 2 Menguruskan Parlimen dalam era politik rapuh
- 3 Sedekah durian kepada pelancong, rakan
- 4 Kemenangan pahit bagi PAP
- 5 Aspirasi Rukun Negara dilupakan

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:  
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>

## Artikel Berkaitan



### Dua PPS masih dibuka di Johor

JOHOR BAHRU - Banjir di Johor semakin reda apabila hanya daerah Muar yang masih mempunyai dua pusat pemindahan sementara (PPS) yang menempatkan...



### Mangsa banjir gesa selenggara parit

PONTIAN- Mangsa banjir di Kampung Sri Gambut Pekan Nanas di sini meminta pihak berkenaan menyelenggara sistem perparitan di kawasan itu bagi...



### PPS di Johor ditutup sepenuhnya

JOHOR BAHRU - Pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Menanti di daerah Muar ditutup pada jam 6.30 petang tadi. Exco...



### Pastikan kebajikan mangsa banjir tidak terabai: Sultan Johor

JOHOR BAHRU - Sultan Johor mahu kerajaan negeri menerusi agensi-agensi berkaitan memastikan mangsa banjir yang berlandung di pusat pemindahan...



### Bilangan mangsa banjir meningkat



JOHOR BAHRU - Keadaan banjir di negeri ini bertambah teruk dengan merekodkan peningkatan jumlah mangsa seramai 1,210 orang daripada 288 keluarga...



### Muar paling ramai mangsa banjir

JOHOR BAHRU - Jumlah mangsa banjir di tiga daerah di Johor menyusut kepada 619 orang daripada 157 keluarga setakat jam 12 tengah hari ini. Exco...

Project Not Found

### NEWSLETTER

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari.  
Langgan Sekarang!

Langgan

[Syarat dan Penafian](#)

[Polisi Data Peribadi Karang kraf](#)



**AKSHAYA**  
**PĀTRA**  
*Unlimited food for education*



Feeding 1.8 million+  
children's across  
India, Every day!

**FEED NOW**